

Headline	FiT tarik pelaburan RM4.3 bilion Ongkili		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	24 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	206 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 424
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,272



# FiT tarik pelaburan RM4.3 billion: Ongkili

**PUTRA JAYA:** Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah menawarkan 531 megawat (MW) untuk sektor tenaga boleh baharu (TBB) di bawah mekanisme tariff galakan atau Feed-In Tariff (FiT) sehingga separuh tahun pertama 2014.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Dr Maximus Ongkili (**gambar**) berkata pelaksanaan mekanisme FiT untuk sektor TBB berjaya menarik pelaburan RM4.3 bilion daripada pihak swasta.



“Dianggarkan ia akan menyediakan 11,700 peluang pekerjaan baharu,” katanya pada majlis Anugerah Industri KeTTHA 2013 di sini malam tadi.

Ongkili berkata Malaysia merupakan antara negara terawal di Asean yang melaksanakan FiT untuk menggalakkan dan meningkatkan tenaga boleh diperbaharu kepada lebih kurang 2,000 MW pada 2020.

Selain itu, beliau berkata KeTTHA juga sedang mengambil langkah untuk memperbaiki sistem FiT di samping meneroka mekanisme lain untuk meningkatkan penggunaan TBB di negara ini.

Sementara itu, Ongkili berkata

Malaysia, antara negara pertama yang melaksanakan program kenderaan elektrik pada 2009, telah mendirikan 20 stesen pengelasan kenderaan elektrik di Greater KL dan Melaka.

“Pengujian bas elektrik sedang berjalan lancar dan diharap akan mencapai sasaran 2,000 bas elektrik pada tahun 2020.

“Kita perlu memacu program tersebut dengan lebih bersentangat seperti negara-negara lain yang sudah menggerakkan program Kenderaan elektrik dengan serius, misalnya menjelang tahun 2025 dijangka berjuta kenderaan elektrik akan berada di jalan raya Amerika Syarikat,” katanya. – Bernama